

12 APRIL 2018

Rampas dadah RM3.85j

Ditemui dalam pembungkus teh dalam but kereta

ROSHILA MURNI ROSLI

BUKIT KAYU HITAM

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kedah berjaya menumpaskan penyeludupan 70 kilogram dadah bernilai RM3.85 juta di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), di sini Isnin lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Subromaniam Tholasy berkata, dadah jenis methamphetamine itu dirampas dalam pemeriksaan yang dibuat ke atas sebuah kereta jenis Mercedes Benz.

Katanya, kereta berkenaan



Subromaniam Tholasy (tiga, kiri) menunjukkan dadah yang dibungkus menggunakan plastik teh bagi mengaburi mata pihak berkuasa

dipandu seorang lelaki tempatan berusia 47 tahun dari arah Thailand kira-kira jam 9.30 pagi.

"Ketika melalui lorong pemeriksaan, anggota yang membuat pemeriksaan awal

mengesyaki kenderaan itu diubahsuai pada bahagian but belakang kereta.

"Curiga dengan keadaan tersebut, merekam menjalankan pemeriksaan lanjut dan berjaya menemui 70

bungkusan dadah yang dibalut dengan pembungkus teh cina yang disembunyikan di ruang khas," katanya, kepada media, di sini, semalam.

Menurutnya, dadah

info

- Rampasan terbesar di Kedah
- Dadah jenis methamphetamine

berkenaan disyaki dari Thailand dan dibawa masuk untuk pasaran di negara ini.

"Ini adalah rampasan dadah terbesar di Kedah dan kita tidak akan berkompromi dalam kegiatan penyeludupan dadah terutama di sempadan negara.

Katanya, suspek kini direman 14 hari bermula semalam dan kenderaan serta dadah berkenaan turut dirampas.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan," katanya.